

**ABSTRACT:**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanannya kaedah e-suara dalam membantu murid-murid pendidikan khas kategori bermasalah pembelajaran dalam menjawab soalan peperiksaan tanpa melakukan modifikasi dari segi isi kandungan atau kualiti soalan peperiksaan berkenaan. Pentaksiran alternatif yang dilakukan dalam kajian ini menggunakan pendekatan penyampaian soalan berbantuan komputer, iaitu suatu transformasi daripada pentaksiran pendekatan konvensional berbentuk paper-and-pencil. Dalam kajian ini, sebanyak 163 orang murid tingkatan 3 pendidikan khas bermasalah pembelajaran dari seluruh negara diambil sebagai sampel kajian. Sampel ini dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu (1) kumpulan murid yang menjawab soalan peperiksaan dengan menggunakan kaedah konvensional; (2) kumpulan murid yang menjawab soalan peperiksaan dengan menggunakan kaedah e-suara I, iaitu melihat dan mendengar item soalan melalui komputer tetapi menjawab dengan cara biasa/konvensional; (3) kumpulan murid yang menjawab soalan peperiksaan menggunakan kaedah e-suara II, iaitu membaca dan mendengar item soalan melalui komputer dan menjawabnya dengan bantuan komputer. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap pencapaian subjek kajian (SK) pendidikan khas bermasalah pembelajaran yang menggunakan kaedah e-suara II lebih baik dengan skor min sebanyak 8.35 berbanding dengan dua kaedah penilaian lain. Secara keseluruhan, kajian ini membuktikan bahawa kaedah e-suara dapat membantu murid-murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran menjawab soalan peperiksaan dengan lebih yakin berbanding dengan kaedah lain.